BAHASA MELAYU | RABU | 13 OKTOBER 2021

ASPEK TATABAHASA	KATA GANDA SEPARA

•Kata ganda separa ialah kata ganda yang mengalami pengulangan suku kata pertama pada kata asalnya. Selain itu, bunyi vokal pada suku kata pertama berubah menjadi vokal yang dilambangkan dengan huruf e .

•Contoh :

KATA DASAR	KATA GANDA	KATA GANDA SEPARA
Layang	Layang-layang	Lelayang
Kuda	Kuda-kuda	Kekuda
Tupai	Tupai-tupai	Tetupai
Siku	Siku-siku	Sesiku
Bola	Bola-bola	Bebola
Jari	Jari-jari	Jejari
Langit	Langit-langit	Lelangit



Munsyi Cilik

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.
Kata ganda separa tunggal: pepondok
Kata ganda separa berimbuhan awalan: bantu-membantu
Kata ganda separa berimbuhan akhiran: barang-barangan
Kata ganda separa berimbuhan apitan: kemerah-merahan

LIVEWORKSHEETS

Mari Kita Ceriakan

Cikgu Zakwan memberi murid-murid penerangan tentang cara hiasan persekitaran sekolah sempena Bulan Kemerdekaan.

1



Murid boleh menghias pepondok bacaan dan tempat rehat murid dengan menggantung bendera dan bunga raya dengan bebenang. Barang-barangan itu akan disumbangkan oleh pelbagai pihak.

2




Lebih kreatif lagi jika murid menghias dedawai pagar sekolah dengan membentuk kata-kata patriotik daripada botol minuman. Bantu-membantulah antara kamu supaya kerja ini lebih mudah.

3



Di dalam kelas, wujudkan sudut patriotik yang dihiasi dengan maklumat sejarah. Murid boleh merujuk cikgu sejarah untuk mencari-cari maklumat patriotik. Murid boleh mengambil gambar sebagai kenang-kenangan. Selalulah kunjung-mengunjung sudut itu nanti.

4



Di lelangit kelas, boleh dihiasi dengan gegantung Jalur Gemilang. Gantungkannya setinggi-tingginya supaya tidak meleret ke lantai. Warna kemerah-merahan, kekuning-kuningan dan kebiru-biruan pada bendera menyerikan suasana kelas.

Kategorikan kata ganda separa dalam petikan			
Kata Ganda Separa TUNGGAL	Kata Ganda Separa BERIMBUHAN AWALAN	Kata Ganda Separa BERIMBUHAN AKHIRAN	Kata Ganda Separa BERIMBUHAN APITAN

LIVEWORKSHEETS

Bina 4 ayat menggunakan KATA GANDA SEPARA.

rerama
sayur-sayuran
kenang-kenangan
kemerah-merahan

LIVEWORKSHEETS